

Ada pihak
'jual' agama
untuk raih
keuntungan
peribadi

AYAM RUQYAH

> Kononnya ayam yang dijual itu istimewa kerana menjalani proses bacaan ayat al-Quran atau ruqyah, sekali gus mampu menajamkan pemikiran individu yang memakannya selain mengelakkan unsur syubhah. Namun, perbuatan segelintir pihak itu sebenarnya mengeksploitasi kalam Allah dan bertentangan dengan ajaran Islam, lapor **Muhammad Saufi Hassan**

> 6

Ayam tolak bala

Segelintir pihak eksploitasi ayat suci al-Quran demi kautung besar

Muhammad Saufi Hassan
saulfi@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Segelintir pihak dikenali mengeksploitasi ayat suci al-Quran dengan memperkenalkan 'ayam terapi' demi mendapatkan keuntungan mudah dengan harga jualannya hampir sekali ganda lebih mahal berbanding ayam biasa di pasaran.

Ayam itu didakwa istimewa kerana menjalani proses bacaan ayat suci al-Quran atau ruqyah sedangkan perkara itu dilihat sebagai 'menjual' agama untuk meraih keuntungan peribadi, selain bertentangan dengan ajaran Islam.

Ruqyah merujuk kepada doa dan bacaan yang mengandungi permintaan tolong dan perlindungan kepada Allah SWT untuk mencegah atau mengangkat bala dan penyakit.

Ayam terapi itu didakwa mampu menajamkan pemikiran individu yang memikannya selain mampu mengelak unsur syubhah namun pihak berkuasa agama mengesahkan ia perbuatan bertentangan syariat Islam.

Ini kerana perbuatan itu dirumuskan sebagai satu manipulasi terhadap Islam untuk melarikan aktiviti perniagaan sendiri, serta boleh mengundang persepsi negatif dalam kalangan penganut agama lain.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Prof Emeritus Tan Sri Dr Abd Shukor Husin berkata perkara itu sudah dibincangkan

dalam beberapa siri muzakarah serta forum dan ketetapan yang dibuat adalah ia bersalahan dalam Islam.

"Tindakan peniaga yang menggunakan promosi agama semata-mata untuk melarikan perniagaan bertentangan dengan prinsip Islam. Keadaan ini boleh menimbulkan unsur penipuan serta terdapat pihak tertentu yang mengambil kesempatan," katanya.

Pemerhatian wartawan akhbar ini mendapati ayam terapi berkenaan dijual pada harga kira-kira RM14 setiap kilogram (kg) berbanding harga ayam biasa kira-kira RM7 di pasaran.

Penjual ayam terapi itu di sekitar ibu kota turut mempromosikan perniagaan mereka menerusi pelbagai platform media seperti laman sosial dan kebanyakannya menyatakan bahawa produk mereka melalui proses bacaan al-Quran.

Mereka turut menjual 'ayam terapi al-Quran' ini di pasar dan mendakwa ayam berkenaan disahkan halal selain melalui proses unik iaitu pembacaan ayat al-Quran.

Bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung ayam terapi al-Quran ini, wartawan cuba bertanyakan kepada penjual bahan mentah berkenaan dan penjual itu mendakwa bahawa semua proses adalah mengikut hukum syarak.

Lelaki berusia awal 40-an itu turut menyatakan bahawa ayam berkenaan disembelih mengikut kaedah Islam tanpa sebarang renjatan elektrik serta tiada sebarang unsur syubhah.

"Selepas semua ayam ini

siap disembelih dan dibersihkan, kita akan simpan dalam bilik sejuk beku dan ketika ini, ayam berkenaan akan melalui proses terapi dengan alunan bacaan ayat al-Quran dan ruqyah.

"Tujuan kita adalah untuk menyelesaikan masalah umat Islam yang sering berdepan dengan unsur syubhah dalam pemakanan dan kita cuba membantu dengan cara yang lebih Islamik," katanya kepada Harian Metro.

Ketika ditanya wartawan berhubung harga ayam yang dijual agak mahal berbanding ayam biasa, penjual itu memaklumkan bahawa proses pengeluaran ayam itu agak rumit dan memerlukan tenaga kerja serta kepakaran

untuk melalui proses terapi al-Quran. Penjual itu berkata, ayam keluarannya disembelih oleh individu yang bertauliah dan setiap kali disembelih dibuat pisu akan dibersihkan untuk mengelakkan syubhah.

"Ketika pembersihan ayam juga, kita sudah asingkan organ dalaman dan membuang najis. Ini semua bagi memastikan ayam ini bersih selain menambah unsur terapi al-Quran untuk kebaikan," katanya.

Penjual itu turut menafikan bahawa tindakannya memanipulasi al-Quran sebaliknya bertegas bahawa itu adalah salah satu ikhtiar untuk memberikan produk mengikut hukum syarak.

Islam larang perbuatan jaja nama agama

Kuala Lumpur: Penggunaan ayat al-Quran bertujuan melarikan produk boleh merosakkan akidah umat Islam kerana makanan yang kononnya melalui proses terapi dianggap lebih Islamik berbanding makanan biasa di pasaran.

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Prof Emeritus Tan Sri Dr Abd Shukor Husin menegaskan Islam melarang perbuatan seumpama itu kerana ia sebenarnya lebih kepada manipulasi atau menyalahgunakan agama.

"Apabila kita tanya kepada mana-mana orang Islam sudah tentu mereka



Sebagai umat Islam, apa yang penting adalah

bab itu teknik promosi agama ini dilihat sangat berjaya untuk melarikan jualan," katanya kepada Harian Metro, di sini.

Menurutnya, Islam melarang teknik promosi agama seperti itu kerana tidak mahu nanti masyarakat akan berpendapat atau mempunyai persepsi bahawa jika mengambil makanan yang sudah melalui proses berkenaan, mereka akan lebih Islam atau lebih alim daripada orang lain.

"Sehingga pada satu tahap kita sangat bimbang terdapat masyarakat yang melakkan kepercayaan bahawa bahan makanan itu iaitu ayam, kismis atau sebagainya mampu memberikan mereka sesuatu."

"Kecadaan itu akan merosakkan akidah kerana menyentuh soal kepercayaan," katanya.

Dr Abd Shukor berkata, terdapat juga persoalan bagaimana proses terapi itu dilaksanakan seperti yang digembar-gemburkan segelintir peniaga sehingga terdapat kemungkinan bahawa ia cuma satu promosi saja.

"Sebagai umat Islam, apa yang penting adalah makanan itu halal dan proses yang dilakukan mengikut syarak dan tiada perkara yang melanggar peraturan ditetapkan Islam. Jika semua itu sudah memenuhi, tidak perlu melalui proses terapi al-Quran."

"Saya juga secara peribadi menolak terma atau konsep 'pemakanan sunnah' dan makanan bukan sunnah yang terhad kepada seketengah jenis makanan saja. Adakah makanan yang hanya tumbuh di Madinah atau Mak-

proses yang dilakukan mengikut syarak dan tiada perkara yang melanggar peraturan ditetapkan Islam. Jika semua itu sudah memenuhi, tidak perlu melalui proses terapi al-Quran"

Dr Abd Shukor

kah saja yang kita kelaskan sebagai makanan sunnah, bagaimana dengan makanan lain," katanya.

Menurutnya, makanan sunnah dalam Islam adalah sesuatu yang halal dan bersifat baik atau elok (halalan toyyiban) selagi makanan yang diambil itu bersifat halal dan tidak bersalahan dengan hukum Islam, maka ia adalah makanan sunnah dan tidak timbul soal terdapat kelas tertentu dalam pemakanan.

"Jika seseorang itu lahir atau hidup di negara yang sukar untuk memperoleh makanan sunnah seperti kurma atau sebagainya, adakah dia tidak mengikut sunnah."

"Ada makanan yang nabi (Rasulullah SAW) tidak pernah makan. Adakah jika kita makan sesuatu yang nabi tidak pernah makan, kita tidak mengikut sunnah. Masyarakat perlu lebih faham berkaitan makna sebenar makanan sunnah ini," katanya.

Beliau menasihatkan masyarakat supaya jangan mudah terkeliru dengan konsep pemakanan sunnah tajuan pihak tertentu yang semata-mata melihat keuntungan sendiri sehingga memanipulasi agama.

AYAM TERAPI AL-QURAN

1. Kaedah pembesaran ayam yang menggunakan bahan makanan yang terkawal dan tidak menggunakan sisa haiwan lain
2. Sewaktu pembesaran itu, didakwa alunan ayat al-Quran akan sentiasa dipasangkan untuk kakitangan dan ternakan
3. Proses disembelih dilaksanakan oleh individu bertauliah dan ia dilakukan secara semula jadi (bukan menggunakan renjatan elektrik atau dilemaskan)
4. Organ dalaman ayam terabit akan diasingkan sebelum ayam berkenaan dicelur untuk proses pembersihan
5. Apabila ayam sudah dibersihkan, individu bertauliah akan membacakan ayat al-Quran dan ruqyah (ayat penyembuh) kepada ayam berkenaan kerana didakwa ia mampu dijadikan penawar kepada sebarang penyakit
6. Selepas itu, ayam akan disejuk beku dalam tempat simpanan khas sebelum dijual kepada pengguna

